

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KILANG HARAM E-WASTE DISERBU
	SUMBER	BH (2 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

BH Khamis, 2 Oktober 2025

Nasional

17

Kilang haram e-waste diserbu

RM71.8 juta nilai rampasan, 21 pekerja ditahan bantu siasatan

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kegiatan sebuah kilang haram yang memproses sisa elektronik (e-waste) di kawasan perindustrian di Gurun, Kedah, lumpuh selepas diserbu pihak berkuasa kelmari, yang membawa kepada rampasan bernilai RM71.8 juta.

Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), Senior Asisten Komisyoner Rosli Md Yusof, berkata serbuan pada jam 11 pagi itu dilakukan hasil risikan Cawangan Risik PSP Bukit Aman bersama PSP 3 Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Berikutan itu, katanya, pihaknya menahan 21 pekerja bagi membantu siasatan.

"Daripada jumlah itu, seorang



Anggota penguat kuasa merampas pelbagai alatan dan sisa e-waste ketika serbuan di kawasan perindustrian di Gurun, Kedah.



(Foto Ihsan polis)

adalah lelaki tempatan, manakala 20 lagi warga asing iaitu dari Pakistan, Bangladesh, India dan Myanmar yang dipercayai bekerja secara haram.

"Hasil pemeriksaan di dalam premis menemui longgokan kabel

elektrik, tembaga, aluminium, komponen elektronik serta 1,043 beg berisi plastik," katanya.

Sita sisa e-waste, peralatan
Beliau berkata, semua pekerja terbahit diserahkan kepada Ibu

Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda untuk siasatan mengikut Akta Imigresen 1959/63.

"Pihak JAS Sungai Petani pula menyita semua sisa e-waste dan peralatan untuk dianalisis dan siasatan dijalankan mengikut Ak-

ta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Siasatan kini giat dijalankan bagi memburu dalang utama sindiket yang dipercayai sudah lama mengaut keuntungan lumayan hasil kegiatan mencemarkan alam sekitar ini," katanya.

2.	TAJUK	IKAN SUNGAI BERA MATI AKIBAT PENCEMARAN KIMIA
	SUMBER	BH (2 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Ikan Sungai Bera mati akibat pencemaran kimia

Penduduk dakwa kejadian berlaku setiap tahun, banyak aduan dibuat tetapi tiada tindakan

Oleh Khirrul Nirwan Bahaudin
bhnews@bh.com.my

Bera: Sungai Bera dipercayai tercemar dengan bahan kimia atau sisa kilang selepas ikan mati, sekali gus menimbulkan kebimbangan risiko keracunan kepada orang ramai.

Seorang pemancing, Abdul Ghafar Abdul Ghani, 48, berkata kejadian berkenaan disedarinya ketika memancing seorang diri pada Ahad lalu kira-kira jam 8 malam.

"Saya sudah belasan tahun memancing di Sungai Bera. Malam Ahad itu saya dapat maklumat ikan mabuk dan mati. Ada yang kata sebab air kilang. Saya balik awal kerana badan seram sejuk dan demam," katanya.

Beliau berkata, pada sebelah petang, rakannya melihat penduduk kampung menyauk ikan berhampiran Loji Air Bera 2 wa-



Petugas kesihatan mengambil sampel air Sungai Bera untuk dianalisis berhubung pencemaran yang menyebabkan ikan mati.

(Foto ihsan pembaca)



Beribu ikan mati dipercayai akibat pencemaran air di Sungai Bera.

(Foto ihsan pembaca)

laupun menyedari ikan mungkin tercemar.

"Kejadian ini berlaku setiap tahun. Kalau bukan sebab tuba, mesti air kilang. Banyak aduan dibuat tapi tiada tindakan. Bukti jelas ada, namun pihak bertanggungjawab tetap terlepas," katanya.

Risiko keracunan

Sementara itu, satu maklumat kesihatan mengesahkan pencemaran bermula di Sungai Serting berhampiran Kampung Lubuk Tembangan, sebelum merebak ke Sungai Bera, sekali gus mengakibatkan banyak ikan mati.

Maklumat itu menegaskan

terdapat risiko keracunan makanan jika ikan tercemar dimakan.

Petugas kesihatan diminta berwaspada terhadap peningkatan kes keracunan makanan atau gejala selepas memakan ikan dari sungai berkenaan.

Orang ramai yang mengalami gejala selepas memakan ikan sungai atau membeli ikan murah dipercayai dari kawasan itu diminta segera melaporkan kepada petugas kesihatan Bera.

Penduduk dinasihatkan tidak memakan atau menjual ikan dari kawasan terjejas sehingga siasatan dimuktamad dan status keselamatan diumumkan pihak berkuasa.

3.	TAJUK	TIGA TERKESAN TERHIDU GAS HIDROGEN SULFIDA
	SUMBER	BH (2 OKTOBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Tiga terkesan terhidu gas hidrogen sulfida

Pasir Gudang: Tiga individu terkesan selepas terhidu gas hidrogen sulfida akibat pencemaran bau kimia di sebuah kilang di Jalan Platinum, di sini, malam kelmarin.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berkaitan kejadian pencemaran bau kimia pada jam 11.11 malam.

Berikutan itu, katanya, seramai 13 anggota dengan kekuatan sebuah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Gudang dengan bantuan unit Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) dari BBP Larkin dikejarkan ke lokasi kejadian pada 11.16 malam.

Katanya, operasi diketusi oleh Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Sarhan Akmal Mohamad, manakala unit HAZMAT dipantau oleh Pegawai Kanan



Unit HAZMAT memeriksa kilang di Jalan Platinum, Pasir Gudang yang dikesan menjadi punca pencemaran bau kimia. (Foto ihsan Bomba)

HAZMAT, Penolong Kanan Penguasa Bomba (PKPgB) Saifulbahari Safari.

Katanya, hasil pemantauan, pencemaran bau kimia didapati berlaku di kawasan kilang berkenaan.

"Kejadian membabitkan tiga mangsa. Bagaimanapun maklumat terperinci mengenai mangsa tidak dapat diperoleh kerana ketiga-tiga mereka dibawa oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum pasukan bomba tiba di lokasi.

"Pasukan HAZMAT melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh di kawasan kilang bagi memastikan tiada lagi risiko pencemaran serta keadaan selamat," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tiga anggota bersama seorang juruteknik kilang memasuki kawasan premis untuk pemeriksaan menggunakan satu unit Gas Mate dan dua unit GFG Gas Detector.

"Mereka berjaya mengesan gas hidrogen sulfida pada kepekatan 8.9 ppm.

"Anggota turut melaksanakan kerja ventilasi menggunakan ventilator fan milik kilang serta menjalankan semburan fogging dengan satu aliran salur bantu mula meliputi keluasan 10 x 10 meter persegi.

"Operasi ditamatkan selepas bacaan udara di kawasan kejadian berada pada paras normal.

"Operasi tamat pada jam 3.37 pagi ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusoff, berkata mengikut maklumat awal, kejadian hanya membabitkan di dalam kawasan kilang.

"Kami menghantar pasukan untuk membuat siasatan lanjut. Orang ramai dinasihatkan tidak panik kerana ia hanya dalam kawasan bangunan kilang," katanya ketika dihubungi.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**